

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	12 JUNE 2017

Tolak penyelewengan, cubaan mengaitkan Islam dengan keganasan

# Pertahankan ketinggian al-Quran

UM-12/6/2017  
Pg-3

Oleh SAFINA RAMLI  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 11 JUN

UMAT Islam diingatkan agar sentiasa berusaha mempertahankan ketinggian al-Quran dan ajarannya dengan menolak segala bentuk penyelewengan serta percubaan untuk mengaitkan Islam dengan keganasan dan ekstremisme.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ini kerana penghayatan terhadap kesucian bulan Ramadan pada tahun ini diganggu oleh beberapa insiden pembunuhan serta keganasan yang zahirnya melibatkan orang Islam dan dibuat atas nama Islam.

“Hal ini tentunya sangat bertentangan dengan ajaran al-Quran yang berasaskan prinsip rahmat, kemanusiaan dan keadilan.

“Jika perkara ini dibiarkan be-



**Malaysia sebagai sebuah negara Islam yang komited dan progresif sentiasa berusaha untuk melunaskan pedoman qurani supaya dapat dihayati oleh setiap umat Islam di negara ini.”**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

gitu sahaja, sudah tentu imej ajaran al-Quran yang murni ini akan terjejas dan diselaputi persepsi yang negatif,” katanya menerusi perutusan sempena Hari Nuzul al-Quran yang disiarkan menerusi blog [najibrazak.com](http://najibrazak.com) hari ini.

Menurut Perdana Menteri, Ma-

laysia sebagai sebuah negara Islam yang komited dan progresif sentiasa berusaha untuk melunaskan pedoman qurani supaya dapat dihayati oleh setiap umat Islam di negara ini.

“Al-Quran akan menjadi pelindung diri bagi sesiapa saja yang membacanya, memahami serta mengamalkannya di dalam kehidupan seharian.

“Mengambil contoh penganjuran Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Ke-59 baru-baru ini, ia menjadi bukti kepada kematangan dan kemampuan Malaysia untuk menerapkan nilai-nilai qurani di dalam jiwa setiap rakyat Malaysia,” katanya.

Beliau berkata, Malaysia bukan sahaja mementingkan pembangunan material semata-mata, sebaliknya pembangunan modal insan turut menjadi keutamaan dan penentu sebenar di sebalik kemajuan ekonomi dan sosial yang zahir.

“Semua ini kita tekuni sebagai

manifestasi penghayatan ajaran al-Quran yang menganjurkan kemakmuran bersepadu duniawi dan ukhrawi.

“Melalui pelbagai dasar dan prinsip yang kita pegang termasuklah Indeks Syariah Malaysia dan konsep wasatiyah (kesederhanaan) serta pelbagai inisiatif merentasi bidang-bidang utama kehidupan, kita berharap agar Islam tidak hanya disinonimkan dengan perkara yang negatif sahaja,” ujarnya.

Dalam pada itu, Najib berkata, beliau mendoakan agar umat Islam terus dikurniakan kesihatan dan petunjuk untuk menghidupkan siang dan malam pada Ramadan tahun ini serta mengulanginya dalam tahun-tahun yang mendatang.

“Saya mendoakan agar keberkatan Nuzul al-Quran ini juga akan menyatukan hati kita semua untuk menjadi ummah terbaik,” katanya.